

11 JUN 1998
Mahathir-Karnival
KARNIVAL BN UNTUK KUMPUL SUMBANGAN DILANCAR AHAD

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Karnival Barisan Nasional di Dataran Merdeka pada Ahad ini untuk mengumpul sumbangan bagi Dana Khas Negara membantu Malaysia menangani kegawatan ekonomi.

Pada karnival sehari itu, selain menyampaikan ucapan utama, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN akan menerima sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk tokoh korporat, parti komponen BN dan wakil pelajar daripada 100 sekolah di sini.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat dalam kenyataan hari ini berkata, karnival itu juga bertujuan mempromosikan barangan dan perkhidmatan tempatan sebagai satu daripada kaedah untuk membantu mempertingkatkan ekonomi Malaysia.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata, karnival itu akan dipenuhi beberapa acara menarik termasuk pertunjukan oleh pasukan yang melakukan terjun bebas di Kutub Utara dan pameran kereta nasional yang dibawa dalam ekspedisi berkenaan serta persembahan tatu.

"Akan turut mengadakan persembahan ialah pasukan pancaragam Angkatan Tentera Malaysia, pasukan ekspedisi kenderaan pacuan empat roda Kuala Lumpur-Afrika Utara, pasukan bermotor Polis Diraja Malaysia, pasukan Benson & Hedges Extreme dan pasukan Briged Putra Pemuda Umno," katanya.

Mohamed berkata, falsafah utama persembahan-persembahan itu ialah untuk menyemarakkan semangat "Malaysia Boleh", yang menjadi teras kepada setiap pencapaian rakyat dan negara.

"Saya menyeru wargakota dan warga Malaysia amnya untuk bersama-sama meluangkan masa ke Dataran Merdeka pada pagi Ahad ini bagi memeriahkan majlis pelancaran Karnival Barisan Nasional ini.

"Penyertaan orang ramai pada karnival ini akan mencerminkan sokongan padu rakyat kepada kerajaan dan negara dalam menghadapi serta menangani kegawatan ekonomi ini," katanya.

Mohamed berkata, sempena karnival itu Dewan Tertinggi BN akan mengadakan mesyuaratnya yang akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir pada sebelah petang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

-- BERNAMA

AFY NMO